



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**MENANGANI KARYA SASTERAWAN NEGARA  
A. SAMAD SAID: PENGALAMAN DAN  
PROFESIONALISME EDITOR**

**MOHAMAD YUSSOP ISHAK**

**FBMK 2001 14**

**MENANGANI KARYA SASTERAWAN NEGARA  
A. SAMAD SAID: PENGALAMAN DAN  
PROFESIONALISME EDITOR**

**MOHAMAD YUSSOP ISHAK**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2001**



**MENANGANI KARYA SASTERAWAN NEGARA  
A. SAMAD SAID: PENGALAMAN DAN  
PROFESIONALISME EDITOR**

**Oleh**  
**MOHAMAD YUSSOP ISHAK**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan  
Ijazah Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**April 2001**



## **DEDIKASI**

**KEPADА ISTERIKU;  
JAMILAH HASHIM  
KEPADА ANAK-ANAK KAMI;  
ERLINA  
ERMILA IDAYU  
MOHD. IBRAHIM  
NUR AIN  
SITI NUR ASYIQIN**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**MENANGANI KARYA SASTERAWAN NEGARA A. SAMAD SAID:  
PENGALAMAN DAN PROFESIONALISME EDITOR**

**Oleh**

**MOHAMAD YUSSOP ISHAK**

**APRIL 2001**

**Pengerusi : Dr. Ramli Isin**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini merupakan kajian pengalaman dan profesionalisme pengkaji sebagai editor buku sastera yang bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka semenjak tahun 1990 dan mengkhusus pada pengalaman dan profesionalisme pengkaji sebagai editor yang menangani penerbitan karya Sasterawan Negara A. Samad Said, iaitu *Lantai T. Pinkie* dan *Warkah Eropah*. Kajian ini juga memperlihatkan keranah A. Samad Said sebagai pengkarya dan keranah birokrasi yang menerbitkan kedua-dua karya A. Samad Said itu.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengalaman merupakan elemen yang paling penting dalam sesuatu bidang pekerjaan, khususnya dalam penerbitan buku. Pengalaman juga berupaya meningkatkan tahap profesionalisme editor. Kedua-dua elemen yang bergabung pada diri seseorang editor akan mengupayakan editor

membuat keputusan yang tepat, sesekali “melanggar” aturan birokrasi untuk memberi kebaikan kepada penulis dan juga organisasi.

Kajian ini juga membuktikan bahawa penulis kreatif yang mencapai tahap mutu penulisan yang tinggi mempunyai kerendah yang kadang-kadang dimunculkan oleh birokrasi. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah yang timbul, kaedah yang tidak mengikut peraturan organisasi terpaksa dilakukan. Ini menunjukkan bahawa mengurus manusia seni harus mempunyai kaedah yang membebaskannya daripada segala aturan birokrasi.

Abstract of thesis presented to the Senate Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**MANAGING THE WORKS OF LITERARY LAUREATE A. SAMAD SAID:  
EXPERIENCE AND PROFESSIONALISM OF AN EDITOR**

**By**

**MOHAMAD YUSSOP ISHAK**

**APRIL 2001**

**Chairman : Dr. Ramli Isin**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This thesis discusses the experience and professionalism of the researcher as a literary book editor in Dewan Bahasa dan Pustaka since 1990 with special focus on managing the works of Literary Laureate A. Samad Said, namely *Lantai T. Pinkie* and *Warkah Eropah*. This study demonstrates the eccentricities of A. Samad Said as a writer of fiction and the bureaucracy of the publisher.

This study concludes that experience is most beneficial in any business, especially book publishing. Experience also elevates the professionalism of the editor. Both these elements enable the editor to make the right decisions, once in a while "breaking" the official procedures with favourable outcome to the writer as well as the publisher.

This study also proves that outstanding authors of high calibre attain certain eccentricities due to red tape. Therefore, to solve unexpected problems, the editor has to resort to unconventional methods. This shows that managing man of letters requires methods which do not conform to inflexible routine.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabatnya. Syukur alhamdullillah kerana dengan izin-Nya pengkaji mendapat keazaman, kekuatan, kesabaran, dan kesihatan yang baik untuk menyempurnakan kajian ilmiah ini.

Pada kesempatan ini pengkaji merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengurus Penyeliaan merangkap Penasihat Akademik Tesis ini Dr. Ramli Isin dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Encik Kamaruzzaman Abd. Kadir dan Tuan Hj. Abd. Rahim Marasidi kerana memberi bimbingan dan penyeliaan sehingga kajian ilmiah ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Penghargaan khusus ditujukan kepada Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said dan ahli keluarga dengan rasa terhutang budi yang tidak terhingga kerana beliau begitu senang didekati dan sentiasa bersedia memenuhi serta melayani kerentan dan permintaan pengkaji. Terima kasih juga atas budi baik beliau yang sentiasa mendorong pengkaji untuk lebih berusaha dalam menyiapkan kajian ini.

Dalam kesempatan yang terluang ini, pengkaji ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat-sahabat sepengajian iaitu Sdr. Mohamad Shahidan, Sdr. Hasni Abas, dan Sdr. Abdul Ahmad, juga kepada rakan setugas iaitu Sdr. Azmi Ibrahim, Sdr. Norimah Bajuri, Sdr. Kamariah Ali, Sdr. Mazlan Hj. Mohd.

Nor (Pereka Bentuk) yang kaya dengan idea, Sdr. Satinah Husin dari Bahagian Penyelarasian Penerbitan, dan rakan-rakan yang tidak dicatatkan nama mereka di sini, tetapi turut membantu dan memberi perangsang kepada pengkaji sehingga pengkaji dapat menyempurnakan penulisan tesis ini dalam tempoh yang dirancangkan.

Terima kasih kepada isteri tersayang, Jamilah Hashim, yang tidak pernah kering dengan cinta, yang begitu sabar dengan segala urusan rumah tangga, terima kasih buat anakanda Erlina, yang tekun menaip draf tesis ini, anakanda Ermila Idayu, anakanda Mohd. Ibrahim, dan anakanda Nur Ain yang memahami kesibukan ayahanda. Akhir sekali rakaman kasih kepada anakanda Siti Nur Asyiqin yang masih kecil, yang selalu mengganggu tetapi menghiburkan semasa kajian ini disiapkan. Menjadi harapan ayahanda agar anakanda semua akan ikut terangsang dalam menuntut ilmu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

Pengkaji juga merakamkan terima kasih kepada Sdr. Norlizan Deris yang budiman kerana sudi menaipkan manuskrip tesis ini, dari awal hingga akhir.

Mudah-mudahan, usaha yang kecil ini, dapat memberi sedikit sebanyak manfaat kepada perkembangan dunia sastera dan dunia penerbitan tanah air. Insya-Allah.

MOHAMAD YUSSOP BIN ISHAK  
28 Jun 2001

## KANDUNGAN

## HALAMAN

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xi
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	9
Kaedah Kajian	10
Pendekatan Kajian	12
Sorotan Kajian	13
<b>II DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DAN SUMBANGAN SASTERAWAN NEGARA A. SAMAD SAID</b>	<b>21</b>
Pengenalan	21
Sejarah Awal Penubuhan dan Dasar Penerbitan Buku	
Dewan Bahasa dan Pustaka	21
Fungsi Utama Bahagian Penerbitan Sastera	24
Dasar Penerbitan Buku Sastera	28
Skop Penerbitan Bahagian Penerbitan Sastera	30
Sumbangan A. Samad Said Terhadap	
Khazanah Kesusteraan Melayu	32
Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said	35

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	47
	Pengenalan	47
	Reka Bentuk Kajian	47
	Pemilihan Bahan Kajian	48
	Analisis Data	49
	Pendekatan Kajian	49
	Takrif Editor	50
	Takrif Profesionalisme dan Pengalaman	52
	Peranan dan Tanggungjawab Editor	
	Penerbitan Buku Sastera	54
	Editor: Profesionalisme dan Pengalaman dalam	
	Penyuntingan Manuskrip	59
	Interaksi Profesional Antara Editor Dengan Penulis	64
<b>IV</b>	<b>LANTAI T. PINKIE: SEBUAH PENGALAMAN</b>	70
	Pengenalan	70
	Mengesan dan Menghidu Manuskrip	70
	Pinangan Untuk Mendapatkan Manuskrip	
	Daripada Penulis	74
	Proses Meneliti Manuskrip	77
	A. Samad Said Menghantar Isyarat Resahnya	
	Kepada Penerbit	81
	Pertemuan yang Memilukan	85
	Isyarat A. Samad Said Mula Dikesan oleh Birokrat	
	Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka	87
	Penerimaan Manuskrip dan Penyediaan Laporan	
	Jawatankuasa Penerbitan	90
	Proses Penyuntingan dan Untung Nasib Karya	94
<b>V</b>	<b>WARKAH EROPAH: PROFESIONALISME EDITOR</b>	99
	Pengenalan	99
	Penilaian Awal Manuskrip "Warkah Eropah"	100
	Penyediaan Laporan Jawatankuasa Editorial/	
	Jawatankuasa Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka	105
	Perancangan Awal Penerbitan Buku	108
	Reka Bentuk Buku	110
	Teknik Penerbitan Buku <i>Warkah Eropah</i>	117
	Gaya atau Teknik Penulisan A. Samad Said dalam	
	<i>Warkah Eropah</i>	122
	Penyuntingan <i>Warkah Eropah</i>	128

<b>VI</b>	<b>KESIMPULAN</b>	131
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	138
	<b>LAMPIRAN I</b>	143
	<b>LAMPIRAN II</b>	145
	<b>BIODATA PENULIS</b>	147

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Penerbitan sesebuah buku mempunyai rintangan dan cabarannya yang tersendiri. Rasa suka, duka, pedih, marah, bangga, dan gembira adalah antara asam garam proses penerbitan buku. Setiap kali terbitnya buku baru, penulis dan editornya menyambut kelahirannya dengan penuh kesyukuran. Namun, di sebalik kesyukuran itu, terpendam rasa debar, gementar, resah, dan gelisah seorang editor. Apakah harapan penulis dan penerbit dapat tercapai seperti yang dihajati. Selain itu timbul persoalan reaksi khalayak pembaca, dan setakat mana impak riak dan gelombang kelahiran buku itu dapat mempengaruhi dunia sasarannya.

Dalam industri penerbitan buku, editor dapat diibaratkan sebagai arkitek. Jika arkitek berperanan mereka bentuk sesebuah bangunan, editor pula bertanggungjawab menyunting dan mewajahkan manuskrip secermat mungkin supaya dapat diterbitkan secara bermaruanah dan menarik. Betapa pun, bentuk penulisan dan isi manuskriplah sebenar-benarnya menentukan martabat sesebuah buku yang bermutu. Hal-hal yang berada di luar lingkungan tersebut hanya berfungsi sebagai nilai tambahan (*added value*) kepada buku berkenaan.

Selain penulis, editorlah orang pertama yang memeriksa sesebuah naskah/manuskrip yang dikirim kepada penerbit. Naskah tersebut diteliti, diperiksa, dihayati, dan dikritik berpandukan piawai yang ditetapkan oleh badan penerbit sebelum sesuatu keputusan awal dibuat. Keputusan itu menentukan sama ada naskah/manuskrip diterima untuk penerbitan atau dikembalikan semula kepada pengkaryanya.

Kadangkala, sesebuah manuskrip tidak datang menggolek kepada penerbit. Manuskrip perlu dikesan dan dibina. Dalam konteks ini, editor perlu peka dan cepat "menghidu" pengkarya untuk mengesani kelahiran sesebuah karya baru. Apatah lagi jika dapat dikesani kelahiran naskah atau manuskrip yang langka, pinangan dan jambatan hendaklah segera dihulurkan kepada karyawan. Betapa bertuah penerbit, andai pinangan editor "tidak bertepuk sebelah tangan". Kelahiran karya baru yang bermutu tinggi sememangnya dinanti-nantikan oleh setiap peminat dan pembaca.

Judul-judul baru diterbitkan bagi mengisi keperluan negara, sekali gus menambah dan memperkaya khazanah kepustakaan negara. Dalam konteks Malaysia, saban tahun, Dewan Bahasa dan Pustaka turut menyumbang sejumlah judul baru untuk tatapan pembaca. Pada tahun 1997, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan 259 judul buku baru dan mencetak ulang sebanyak 315 judul pelbagai peringkat pembaca dan bidang ilmu. Daripada jumlah ini, 186 judul adalah buku sastera yang mencakupi pelbagai genre, seperti cerpen, puisi, novel, drama, teater, dan sebagainya (*Laporan Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka 1997*, 1998:42-43).

Proses penerbitan sesebuah buku tidaklah semudah membaca *A, B,C*. Malah banyak liku, lurah, dan jerangkap samar yang perlu ditempuhi oleh penulis, editor dan penerbit. Kerja-kerja pengurusan manuskrip dan penerbitan karya perlu ditangani secara profesional. Pelbagai ragam dan kerentak penulis, editor, juga dasar penerbitan organisasi badan penerbit harus difahami dan diterima sebelum karya dapat dihidangkan kepada pembaca.

Pengalaman menangani setiap penerbitan manuskrip adalah berbeza-beza. Pada waktu tertentu amat mudah dan lancar prosesnya. Pada waktu-waktu yang lain pula mungkin tersangkut-sangkut, malah memakan waktu yang panjang. Ada kalanya bertahun-tahun. Hal ini disebabkan oleh faktor tertentu yang kadangkala menimbulkan salah faham antara pihak penulis dengan editor dan penerbit. Tidak kurang pula pengalaman pahit manis editor ketika meniti ranjau waktu dan birokrasi penerbit apabila ada judul tertentu yang perlu diterbitkan segera, umpamanya memproses manuskrip hingga buku terbit dalam tempoh dua atau tiga bulan daripada tarikh penerimaan karya oleh editor.

Berdasarkan senario tadi, editor mungkin berasa gembira, besar hati, bertuah dan bersyukur apabila menoleh jejak waktu dalam kariernya sebagai editor. Lebih bermakna jika dia telah menyelesaikan penerbitan sekian banyak judul yang "bermaruah". Namun, pada waktu-waktu tertentu, hati editor tentunya akan terguris apabila melihat sekian banyak judul tadi akhirnya dijual lambak oleh pihak

penerbit yang tidak lagi ada upaya dan nafsu untuk memasarkan dagangannya. Penerbit juga mempunyai pelbagai alasan dari aspek strategi pemasaran mereka. Antara alasan yang sering diberikan oleh penerbit ialah kerana tidak mahu menyimpan stok terbitannya terlalu lama sehingga menjelaskan modal pusingan perniagaan. Dalam hal ini, editor yang menangani karya-karya yang dijual lambak oleh penerbit akan berasa kecewa melihat buku-buku yang ditanganinya itu diperlakukan sedemikian rupa.

Sehubungan dengan kenyataan di atas, kajian ini akan menumpukan kepada aspek profesionalisme dan pengalaman editor karya sastera yang berkhidmat di sebuah organisasi pembinaan dan pengembangan sastera di Malaysia yang juga berfungsi sebagai badan penerbit dan pencetak terbesar di negara ini. Organisasi yang dimaksudkan ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Antara aspek penting yang dikaji dan dikupas ialah sejarah awal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan dasar penerbitannya yang berkait rapat dengan salah satu matlamat penubuhannya. Bentuk-bentuk karya yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, bahagian yang menyelenggarakan penerbitan buku sastera dan fungsi serta skop penerbitan yang ditangani oleh bahagian berkenaan. Tujuannya ialah untuk mempermudahkan kefahaman pembaca tentang konsep-konsep tertentu dalam bidang penerbitan buku. Seterusnya kajian akan difokuskan kepada aspek pengurusan kerja, pengalaman dan liku-liku yang diharunginya sewaktu menangani penerbitan karya sastera terpilih yang menjurus kepada karya-karya Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said.

## **Pernyataan Masalah**

Ketokohan A. Samad Said dalam dunia kesusasteraan Melayu Moden sudah tidak asing lagi. Sumbangan beliau meliputi semua genre sastera. Beliau juga adalah Sasterawan Negara yang paling mudah memenuhi undangan ke acara-acara temu sastera, bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di seluruh pelosok tanah air. Tujuan beliau tidak lain daripada membina, mengembangkan, dan memperluas martabat kesusasteraan Melayu. Untuk mencapai tujuan ini juga, beliau membimbang bengkel-bengkel penulisan bagi bertujuan mengcungkil dan melahirkan generasi pelapis dalam bidang penulisan kreatif.

Selain menjadi pemangkin kepada pembinaan generasi penulis muda, A. Samad Said merupakan pencetus idea penulisan kontemporari. Sehingga kini, beliau terus menunjukkan iltizam menghasilkan karya yang bermutu tinggi. *Al-Amin* (1999), ialah karya terbaru beliau dalam bentuk puisi yang diterbitkan pada penghujung abad ke-20 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Puisi terpanjang di Malaysia ini mengisahkan riwayat hidup Rasulullah s.a.w.

Ketokohan A. Samad Said, sumbangan yang banyak dalam pelbagai genre sastera, meluas dan beragam, serta fokusnya yang tekal selama lebih kurang 41 tahun dalam bidang kesusasteraan Melayu Moden menjadikan beliau begitu dikenali, disanjung, dan mendapat pengiktirafan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara.

Antaranya, A. Samad Said telah dinobatkan sebagai Pejuang Sastera oleh kerajaan Malaysia (1976), menerima S.E.A. Write Award daripada kerajaan Thailand (1979), dan menerima Anugerah Sastera Negara daripada kerajaan Malaysia (1985). Beliau juga telah beberapa kali meraih kemenangan dalam Sayembara Hadiah Sastera Malaysia bagi tahun 1990 dan tahun 1996. Anugerah terakhir yang diterimanya dalam bidang kesusasteraan ialah Anugerah Sastera Nusantara (1999) dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-X. A. Samad Said juga telah tiga kali mendapat kurniaan pingat iaitu, Ahli Mangku Negara (1986) dan Kesatria Mangku Negara (1982) daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong serta Darjah Mahkota Seri Melaka (1997) yang membawa gelaran 'Datuk' daripada kerajaan Melaka. (*Ensiklopedia Sastera Dunia*, 2000:243).

Berdasarkan pencapaian dan kejayaan cemerlang A. Samad Said yang disebutkan di atas, maka amatlah wajar kajian ini dilaksanakan kerana:

- (i) Kajian khusus dalam bidang ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana penyelidik atau sarjana yang mengkaji kesusasteraan Melayu Modern selama ini baik di dalam negara maupun di luar negara, khususnya dalam bentuk merakamkan profesionalisme dan pengalaman menangani karya-karya kreatif beliau.
  
- (ii) Kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh sarjana tempatan selama ini kebanyakannya lebih bertumpu kepada teks. Namun, apa yang berlaku

di sebalik penerbitan teks berkenaan tidak kurang penting dijadikan bahan kajian. Kajian ekstrinsik teks ini, yang membabitkan profesionalisme seorang editor dengan pengarangnya, dan pihak-pihak lain (pereka bentuk, komposer, pembaca pruf dan sebagainya), tentu dapat mendedahkan tentang "kerenah" penerbitan sesebuah karya yang selama ini tidak banyak terdedah kepada pengetahuan umum.

### **Objektif Kajian**

Pertama, mengenal pasti beberapa proses awal tentang penerbitan naskhah atau manuskrip di Bahagian yang menyelenggarakan penerbitan karya sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kedua, merakamkan pengalaman profesionalisme pengkaji ketika menjadi editor dan menangani penerbitan karya-karya A. Samad Said bermula daripada proses menerima manuskrip sehingga kelahiran karya. Karya yang dipilih ialah *Lantai T. Pinkie* (1996), dan *Warkah Eropah* (1991).

Ketiga, menilai ragam penulis dalam hubungannya dengan editor, badan penerbit, dan sekali gus mengenal keranah A. Samad Said dalam aspek penulisan.

## **Kepentingan Kajian**

Pertama, kajian ini penting kerana A. Samad Said adalah karyawan yang prolifik dan tekal dalam bidang penulisan sejak zaman awal pengkaryaannya dalam dunia sastera kreatif, iaitu sekitar akhir tahun 1950-an sehingga kini.

Kedua, bidang ini amat menarik dikaji kerana dunia editorial tidak banyak terdedah kepada pengetahuan umum, terutama untuk kegunaan bakal penulis dan penelaah sastera. Di samping itu, kajian ini juga akan dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji serta pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi negara ini.

Ketiga, A. Samad Said merupakan insan yang amat berprinsip, beliau juga tegar dalam sesuatu keputusan yang diambilnya. Atas dasar prinsip itulah, maka pada 31 Disember 1987, beliau sanggup meninggalkan jawatan Ketua Pengembangan Sastera Berita Harian sewaktu bertugas dengan Kumpulan News Straits Times. Malah, atas prinsip ini jugalah, A. Samad Said sanggup melancarkan Mogok Seni terhadap Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1989. Dan yang mutakhir, A. Samad Said mengumumkan keputusannya untuk bersara daripada dunia penulisan sastera ketika menghadiri Pekan Seni Ipoh, Perak, pada 29 April 2000. Keputusan ini diambil apabila beliau berasa kecewa dengan kerentahan birokrasi di Dewan Bahasa dan Pustaka. (*Utusan Malaysia*, 30 April 2000: 4).

Didasarkan kepada keperibadian A. Samad Said ini, maka kajian ini dianggap penting dilakukan, dan pengkaji akan menunjukkan betapa beragamnya kerennah A. Samad Said yang terpaksa dilayani dan sekali gus difahami sehingga manuskrip hasil ciptaan beliau dapat disempurnakan penerbitannya di Dewan Bahasa Pustaka.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini akan menjurus kepada beberapa persoalan tentang proses awal penerbitan buku sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan pengalaman menangani penerbitan karya-karya Sasterawan Negara A. Samad Said, dengan pengkhususan kajian kepada karya terpilih berjudul *Lantai T. Pinkie dan Warkah Eropah*.

Pengkhususan kajian karya terpilih ini diharapkan dapat mewakili pengalaman editor atau beberapa editor lain sewaktu menangani dan melayani ragam dan kerennah A. Samad Said dalam hampir setiap penerbitan karyanya di Dewan Bahasa dan Pustaka.